

SOALAN NO: 144

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

SOALAN:

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membuat penyelarasan waktu rehat pada setiap hari Jumaat bagi memberi pelepasan untuk pekerja yang beragama Islam menunaikan solat Jumaat, sama ada untuk sektor awam mahupun swasta.

PR-1331-T67183

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, undang-undang perburuhan sedia ada tidak mewajibkan waktu rehat diberi kepada pekerja sektor swasta bagi menunaikan solat Jumaat. Pada masa ini pihak kementerian belum ada cadangan bagi untuk menetapkan atau meyelaraskan waktu rehat untuk tujuan solat Jumaat.

2. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa menggalakkan majikan supaya memberi pelepasan atau waktu rehat yang mencukupi bagi membolehkan pekerja beragama Islam menunaikan solat Jumaat.

3. Sekiranya pelepasan tersebut tidak dapat diberi oleh majikan, pekerja tersebut dikehendaki mengganti waktu kerja yang digunakan untuk solat Jumaat itu selepas waktu kerja biasa tamat.

4. Pada masa ini pihak KSM jarang menerima aduan berkaitan dengan keengganan majikan membenarkan pekerja-pekerja beragama Islam menunaikan solat Jumaat. Kebiasaannya, apabila ada aduan, KSM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri berkenaan akan hadir ke premis majikan untuk memberi penerangan dan nasihat yang bersesuaian.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga,

5. KSM tidak mempunyai bidangkuasa untuk menetapkan waktu rehat untuk pekerja sektor awam. Walau bagaimanapun waktu rehat antara jam 12.15 tengahari sehingga 2.45 petang yang ditetapkan dalam sektor awam pada hari Jumaat adalah dianggap mencukupi bagi membolehkan kakitangan beragama Islam menunaikan solat Jumaat.